



HOSPITAL SULTANAH MALIHA
SULTANAH MALIHA HOSPITAL
Bukit Tekuh, Jalan Padang Matsirat,
07000 Langkawi,
KEDAH DARUL AMAN

Telefon : 04-9663333/3039/3040
Portal Rasmi : <https://jknkedah.moh.gov.my/hsm/>
E-mel Jabatan : hlangkawi@moh.gov.my

Ruj. kami : HSM/KED/009/2026 (03)
Tarikh : 05 Ogos 2026

KONTRAKTOR / SYARIKAT YANG BERKENAAN

(Seperti mana Senarai Kehadiran Taklimat & Lawatan Tapak)

Tuan/Puan,

PEMBATALAN IKLAN SEBUTHARGA NO: HSM / KED / 009 / 2026

**TAJUK: KERJA-KERJA NAIK TARAF RANGKAIAN *LOCAL AREA NETWORK (LAN)* DAN
KERJA-KERJA LAIN YANG BERKAITAN DI HOSPITAL SULTANAH MALIHA, LANGKAWI**

Dengan segala hormatnya perkara di atas adalah dirujuk.

2. Pihak pengurusan **Hospital Sultanah Maliha** ingin memaklumkan bahawa kenyataan sebut harga bagi projek berkenaan yang telah diiklankan pada **28 Julai 2026** serta Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak yang telah berlangsung pada **04 Ogos 2026 (Selasa)** di Bilik Seminar Pakar adalah **DIBATALKAN** berkuat kuasa serta-merta.

3. Pembatalan ini terpaksa dilaksanakan atas sebab **kesilapan teknikal pada pendaftaran kategori perolehan**. Untuk makluman pihak tuan/puan, skop kerja/pembekalan di bawah tajuk ini diisytiharkan di bawah kategori **Perolehan Bekalan / Perkhidmatan** dan bukannya Perolehan Kerja (CIDB).

Perkara	Maklumat
No. Sebutharga Asal	HSM / KED / 009 / 2026
Status Iklan	DIBATALKAN
Tindakan Lanjut	Akan diiklankan semula menerusi sistem ePerolehan (eP) di bawah kategori Bekalan / Perkhidmatan .

Ruj. kami : HSM/KED/009/2026 (03)
Tarikh : 05 Ogos 2026

4. Pihak hospital ingin menyusun sepuluh jari memohon maaf yang amat mendalam atas segala kesulitan yang timbul, terutamanya kepada semua kontraktor dan wakil syarikat yang telah meluangkan masa dan tenaga untuk hadir ke Sesi Taklimat dan Lawatan Tapak pada 04 Ogos 2026 yang lalu.


5. Sehubungan dengan itu, perolehan ini akan **diiklankan semula secara rasmi menerusi sistem ePerolehan (eP)** dalam masa terdekat. Pihak tuan/puan yang berdaftar dan mempunyai kod bidang Bekalan/Perkhidmatan di bawah Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) adalah amat digalakkan untuk menyertai tawaran baharu tersebut kelak.

Pihak kami amat menghargai keprihatinan, sokongan dan kerjasama daripada pihak tuan/puan dalam perkara ini.

Sekian, terima kasih.

"MALAYSIA MADANI"

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"



.....
(DR. ANIZA BINTI AHMAT)

No. Pendaftaran Penuh MPM : 47460

Pengarah Hospital

Hospital Sultanah Maliha, Langkawi

KEDAH DARUL AMAN